



Taktik baharu penipuan dikesan di Singapura dikhuatir merebak ke Malaysia

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF
MOHD ZOKI
SHAH ALAM

Polis Malaysia bimbang taktik baharu penipuan *scammer* yang mampu mengakses dan menyalahgunakan peralatan digital mangsa dari jauh sebelum mencuri maklumat perbankan akan merebak di negara ini susulan kes seperti itu telah berlaku di Singapura.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, melalui perkongsian maklumat dengan pihak polis Singapura, JSJK telah dimaklumkan berkenaan kewujudan teknik baharu itu yang berisiko mengakibatkan kerugian besar wang ringgit.

"Menerusi taktik ini, mangsa akan menerima *pop-ups* mesej melalui komputer atau *laptop* yang mengandungi amaran bahawa komputer mangsa telah digodam.

"Mangsa kemudiannya diarahkan untuk segera menghubungi pasukan sokongan teknikal melalui nombor telefon yang disertakan bersama mesej tersebut.

"Apabila mangsa menghubungi nombor sebagaimana diarahkan, penjenayah yang menyamar sebagai kakitangan sokongan Microsoft atau Apple akan memaklumkan bahawa peralatan digital mangsa telah digodam dan digunakan untuk melakukan aktiviti haram," katanya.

Menurut beliau, mangsa kemudian diarahkan memuat turun perisian tertentu bagi membolehkan pihak mereka menyalahgunakan peralatan digital mangsa secara *remote* keronnya bagi mengekang aktiviti penggodam.

"Mangsa juga akan diminta untuk log masuk ke dalam sistem perbankan dalam talian milik mereka kononnya memastikan akaun perbankan mereka selamat.

"Bagaimanapun apabila mangsa telah log masuk, pihak penjenayah menggunakan akses yang diperoleh untuk melakukan pindahan wang tanpa pengetahuan mangsa," katanya.

Tambahnya, setakat ini pihaknya sedang melakukan semakan sama ada ter-

Scammer kawal komputer mangsa dari jauh



Scammer seolah-olah mengkaji trend serta keadaan semasa yang berlaku di dalam negara untuk dijadikan umpan bagi menarik perhatian masyarakat.

dapat kes sebegini yang dilaporkan di negara ini.

"Taktik atau kaedah baharu seperti ini kemungkinan boleh menular ke negara ini, malah dikhuatir penggodam mungkin akan menggunakan taktik sama untuk telefon bimbit.

"Sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai dinasihatkan sentiasa berwaspada dan tidak memuat turun sebarang perisian yang meragukan dan terus melaporkan kepada pihak bank dan polis sekiranya terdapat aktiviti mencurigakan berkaitan akaun bank dimiliki," katanya.

Taktik berubah-ubah

Bukan sahaja mengambil kesempatan daripada kecanggihan teknologi, malah

sindiket penipuan dalam talian juga sering menukar taktik selepas dihidiu pihak berkuasa.

Ramli berkata, *scammer* kini banyak menggunakan medium media sosial seperti Facebook, Telegram dan Instagram untuk menjerat mangsa.

Menurutnya, sindiket penipuan ini seolah-olah mengkaji trend serta keadaan semasa yang berlaku di dalam negara untuk dijadikan umpan bagi menarik perhatian masyarakat.

"*Scammer* ini adalah tidak mengekalkan kaedah penipuan sama bagi mengelakkannya dikesan pihak berkuasa.

"Siri tangkapan yang dijalankan polis khususnya JSJK sendiri mendapat sindiket yang ditumpaskan ini dianggap bersih ganti.

"Mereka ini licik mengambil kesempatan menukar modus operandi serta teknik penipuan kewangan mengikut keadaan semasa," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas mengenai keseriusan pihak polis menangani jenayah *scammer*, Ramli berkata, rekod tangkapan menunjukkan peningkatan ketara setiap tahun.

Jelasnya, perubahan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) sebagai pusat operasi untuk menyelaraskan tindak balas pantas ke atas penipuan kewangan dalam talian adalah antara usaha komited bersungguh-sungguh untuk membanteras kegiatan penipuan di negara ini.

"Kewujudan NSRC merupakan hasil

kerjasama polis bersama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta beberapa pihak dalam memastikan jenayah penipuan ditangani sepenuhnya," katanya.

Ujar Ramli, walaupun pelbagai operasi pembanterasan dan inisiatif pencegahan jenayah dibuat, masih ramai yang menjadi mangsa.

Beliau berkata, sikap segelintir individu yang mudah panik dan meletakkan kepercayaan yang tinggi adalah antara faktor mereka menjadi mangsa sindiket.

"Orang ramai perlu lebih cakna dalam melakukan sebarang urusan sama terutamanya secara dalam talian. Sekiranya urusan memerlukan sebarang transaksi, lakukan semakan terutamanya melibatkan pengesahan akaun bank dan talian telefon terlebih dahulu melalui portal Semakmule untuk mengenal pasti sama ada akaun bank tersebut pernah terlibat dalam kes penipuan atau tidak.

"Sentiasa cakna dengan dengan pelbagai maklumat yang diberikan oleh pihak polis berkenaan modus operandi sindiket penipuan dan dapatkan maklumat lanjut daripada pihak bertanggungjawab antaranya BNM, Suruhanjaya Sekuriti dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarja Hidup atau boleh menghubungi NSRC di talian *hotline 997*," kata beliau.



Pelbagai kejayaan direkodkan bagaimanapun masih ramai dilihat tetap menjadi mangsa penipuan.